

03/07/2002

MRSM: Syarat sama untuk semua kaum

Syuhada Choo Abdullah

PENGAMBILAN pelajar bukan Bumiputera ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) akan dimulakan dengan penawaran tempat di tingkatan satu tahun depan, kata Ketua Pengarah Majlis Amanah Rakyat (Mara), Datuk Mohd Mydin Mohd Sheriff.

Sehubungan itu, beliau berkata, pemilihan calon berasaskan peruntukan kuota 10 peratus akan dibuat berdasarkan kecemerlangan keputusan mereka dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun ini.

Selain itu bertepatan dengan garis panduanambilan ke MRSM selama ini, katanya, faktor latar belakang calon bukan Bumiputera terbabit akan turut diambil kira dan diberi pertimbangan teliti.

Dalam konteks itu, di samping faktor kelayakan akademik, beliau berkata, keutamaan akan diberikan kepada pelajar yang berasal dari luar bandar dan keluarga berpendapatan rendah.

"Secara umum, syarat kelayakan antara pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera ke MRSM adalah sama. Bagaimanapun, perancangan lebih lanjut berhubung pengambilan ini sedang dibincangkan, termasuk dalam mesyuarat pada minggu depan, mengenai pelbagai aspek berkaitan seperti dari segi bilangan tempat kemasukan yang akan ditawarkan.

"Dalam pelaksanaan ini, penyediaan peluang kemasukan untuk pelajar Bumiputera tidak akan terjejas langsung, sebaliknya bilangan tempat akan ditambah untuk menampung calon bukan Bumiputera," katanya kepada Berita Harian, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Minggu Silaturahmi Pelajar Baru Malaysia France Institute (MFI) di Bandar Baru Bangi. Hadir sama Pengarah Urusan MFI, Ghazali Abd Manaf, dan Timbalannya, Rosly Ahmad.

Mohd Mydin berkata, peruntukan tempat kemasukan ke MRSM kepada pelajar bukan Bumiputera bukan perkara baru, sebaliknya pernah dilaksanakan sejak penubuhan institusi itu pada 1972.

Sebenarnya, beliau berkata, pelajar Bumiputera boleh memperoleh banyak manfaat daripada sistem keterbukaan itu, terutama dari segi membina ketahanan daya saing yang kukuh.

Katanya, ini sekali gus akan mempersiapkan mereka untuk menghadapi cabaran dan persaingan dengan pelbagai pihak secara global apabila memasuki pasaran kerjaya kelak.

Sementara itu dari segi persediaan MRSM melaksanakan cadangan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan pula, beliau berkata, tiada masalah besar dijangkakan timbul.

"Satu program yang dikenali sebagai 'Schoolwide English Enrichment Development Strategies' (Seeds) sudah dimulakan secara rintis sejak tahun lalu dan diperluaskan ke semua MRSM mulai tahun ini.

"Program ini bertujuan memastikan keseluruhan warga MRSM mencakupi pelajar, guru dan kakitangan, berusaha menguasai bahasa Inggeris. Melaluinya, sebanyak 15 perkataan baru akan diperkenalkan setiap hari melalui sistem PA di MRSM.

"Di samping itu, program latihan untuk pensyarah juga sedang diatur, termasuk menggunakan khidmat tenaga pengajar Bahasa Inggeris sedia ada di MRSM. Saya yakin ini boleh dilaksanakan dengan baik jika ada usaha yang bersungguh-sungguh," katanya.

Seramai 312 pelajar baru mendaftar diri untuk mengikuti lapan program diploma yang ditawarkan oleh MFI, Isnin lalu. Mereka adalah sebahagian daripada sejumlah 364 pelajar yang ditawarkan tempat kemasukan ke MFI bagi

sesi Julai ini.

Bagaimanapun, pengambilan kedua akan diadakan pada 18 Julai ini. Selain itu pada sesi ini, MFI juga akan menerima kemasukan 80 pelajar sulung dalam dua program ijazah sarjana muda teknologi, iaitu Industri Automasi dan Robotik, dan juga Penyejukan Udara dan Penyejukanbekuan.

Lebih menarik lagi, Mohd Mydin berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan merasmikan MFI pada 10 September ini dan persiapan sedang rancak dibuat untuk menjadikannya suatu majlis yang bermakna.

Seterusnya, beliau menasihati pelajar baru MFI supaya bersyukur dan memanfaatkan peluang pengajian di institut itu dengan baik untuk muncul sebagai sumber tenaga yang berkualiti dan cemerlang kepada industri dan negara secara keseluruhan.

"Pelajar mempunyai tugas serta tanggungjawab untuk memastikan kejayaan tercapai. Dalam konteks ini, pengurusan masa dan kewangan adalah amat penting.

"Pelajar juga diharap dapat memanfaatkan peluang untuk menguasai bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Perancis," katanya.